

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 4 JULAI 2019

SOALAN NO. 34

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini rakyat yang belum mendaftar mengundi mengikut kaum. Jika tiada data ikut kaum, mengapa? Adakah data itu rahsia dan mengapa, jika rahsia. Berapa peratus dan angka undi popular mengikut parti yang bertanding pada PRU 14. Jika tiada data mengikut parti, mengapa. Adakah data itu rahsia. Mengapa, jika rahsia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga **31 Mac 2019**, jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas yang memenuhi syarat kelayakan tetapi belum mendaftar sebagai pemilih adalah seramai **3.99 juta orang**. Berhubung dengan penyediaan maklumat-maklumat peribadi pengundi mengikut kaum dan agama, ia adalah dilarang sama sekali untuk didedahkan kepada umum. Ini adalah selaras dengan Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 9 Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 1957 [Akta 31] dan Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mengguna pakai **sistem pilihan raya majoriti mudah atau “*first past the post*”** dan tidak melaksanakan sistem yang berkonsepkan undi popular. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh majoriti akan diisytiharkan pemenang di bahagian pilihan raya yang berkenaan. Justeru, SPR tidak menyediakan apa-apa data berhubung peratus dan angka undi popular mengikut parti bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU Ke-14) ataupun PRU-PRU sebelum ini.

Sekian, terima kasih.